

21/02/1999

Pertembungan politik kenegerian, pembangunan

Lichong Angkui

ESOK khabarnya Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah dibubarkan.

Sama ada sahah atau sebaliknya, Sabah tetap akan mengadakan pilihan raya pada tempoh terdekat ini, berikutan penggal pemerintahan lima tahun kerajaan Barisan Nasional (BN) sekarang akan berakhir secara automatik 18 Mac ini, iaitu genap 25 hari dari hari ini. Justeru, persoalan mengenai tarikh pembubaran sebenarnya bukan suatu isu besar lagi. Yang lebih utama ialah pilihan raya kali ini menjadi penentuan bagi pemilihan sebuah kerajaan yang bakal membawa dan memimpin negeri Sabah melangkah ke alaf baru. Dengan demikian, pilihan raya Sabah yang terakhir bagi abad ini menjadi pengukur prestasi parti-parti politik yang menawarkan diri sebagai wadah perjuangan rakyat Sabah.

Dengan dipimpin Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok, BN Sabah yang mengandungi gabungan sembilan parti dari Sabah dan Semenanjung, dijangka menghadapi saingan dengan sekurang-kurangnya lima parti politik selain calon Bebas yang biasanya tidak ketinggalan.

Saingan utama dijangka datangnya daripada Parti Bersatu Sabah (PBS) pimpinan bekas Ketua Menteri, Datuk Panglima Joseph Pairin Kitingan, selain Parti Barisan Rakyat Sabah Bersekutu (Bersekutu) yang diterajui Datuk Harris Salleh sebagai pemangku presiden.

Tiga parti lain yang menunjukkan minat setakat ini ialah Parti Kebangsaan Pasok Nunukragang Bersatu (Pasok) dan Pas serta Parti Khidmat Rakyat Sabah (Khidmat) yang masih dalam proses pendaftaran di Kuala Lumpur. Penyertaan sedemikian bukan saja menyuburkan proses demokrasi, tetapi terus menghangatkan politik Sabah. Pemerhati politik meramalkan persaingan kali ini agak sengit bagi BN. Namun, persaingan sebenar hanyalah di antara Umno selaku tunjang utama BN negeri dengan PBS. Kehadiran pembangkang lain dan calon Bebas diragui mampu mempengaruhi peratusan undi. Secara keseluruhan, parti segera dan parti bermusim tidak menggugat keutuhan kerajaan.

Namun dalam kes Bersekutu dan Pas, yang menetapkan sasaran utama di kawasan Bumiputera Islam, kemungkinan ia akan menguntungkan pihak ketiga iaitu PBS jika berlaku perpecahan undi di kalangan masyarakat Melayu/Islam.

Justeru, bagi BN cabaran yang menanti mungkin tidak semudah dijangkakan. Sekalipun sebagai tonggak kerajaan negeri dan institusi politik tersohor yang sudah melepasi banyak ujian, keunikan politik Sabah boleh mencetuskan pelbagai kemungkinan.

Dalam konteks kepelbagaian kaum di Sabah dan senario politik yang sering berkecamuk seawal kegiatan berpolitik bermula pada 1963, BN sebenarnya landasan terbaik untuk kestabilan, kemakmuran dan kemajuan berkekalan bagi rakyat dan negeri.

Yang nyata, pilihan raya kali ini dinantikan rakyat dengan semangat berkobar-kobar dengan kibaran bendera dan kain rentang seluruh pelosok tanah air - dari pantai barat ke pantai timur hingga ke pedalaman Sabah.

Berdasarkan pengamatan umum, isu yang diungkit kali ini oleh pembangkang tidak jauh bezanya dengan isu pilihan raya 1994 dulu. Cuma mungkin kali ini isu 'katak lompat' yang merujuk kepada tindakan segelintir Adun PBS berpaling tadah menyertai BN, agak lantang kedengaran. Begitu juga isu ketuanan serta hak rakyat dan negeri masih terus berkumandang sebagaimana cerita pada beberapa pilihan raya lalu.

Bagi BN pula, isu pilihan raya kali ini lebih menjurus kepada

kesinambungan agenda pembangunan serta amalan perkongsian kuasa untuk membawa rakyat Sabah maju setanding negeri lain.

Sebab itu ada penganalisis politik menyimpulkan bahawa pilihan raya kali ini adalah pertembungan politik kenegerian dengan politik pembangunan.

Barisan pimpinan BN negeri berulang kali menegaskan soal kononnya Kuala Lumpur menjajah Sabah tidak berbangkit lagi. Malahan, ketika berucap pada sambutan Aidilfitri dan Tahun Baru Cina di Sandakan, Khamis lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengulangi pendirian Kerajaan Pusat yang tidak pernah berniat untuk menindas Sabah.

Malah, kata Perdana Menteri, Kerajaan Pusat bertekad membawa pembangunan menyeluruh untuk rakyat. Namun prasyarat ke arah ini adalah penting bagi memastikan kerajaan BN di Sabah yang mempunyai hubungan baik dengan Kuala Lumpur, dipertahankan oleh rakyat pada pilihan raya kali ini.

Satu lagi tohmahan pembangkang ialah kononnya pemimpin BN Sabah menjadi 'kuda tunggangan' atau 'boneka' dan 'pak turut' kepada Kuala Lumpur, tetapi ini pantas dinafikan oleh pemimpin kanan Umno Sabah, Datuk Seri Salleh Tun Said yang mempertahankan bahawa kepemimpinan negeri Sabah ditadbir secara telus oleh orang Sabah sendiri.

Salleh, yang menjadi Ketua Menteri menerusi sistem penggiliran selama 16 bulan pada sehingga Mei 1996, memberikan satu contoh jelas yang Kota Kinabalu tidak mudah tunduk kepada Kuala Lumpur, iaitu pendirian tegas berhubung langkah menyekat kegiatan perjudian.

Kerajaan Sabah bertegas tidak memberi lesen kepada sebuah syarikat berpejabat di Kuala Lumpur untuk menjalankan operasi perjudian empat nombor ekor, sekali pun syarikat terbabit sudah mendapat kelulusan dan lesen daripada Kementerian Kewangan Pusat.

"Ini menunjukkan kerajaan BN Sabah bertindak dan membuat keputusan sendiri, bukan bersekongkol dengan Kerajaan Persekutuan," katanya.

Isu lain yang turut diungkit pembangkang ialah pindaan lima undang-undang negeri - Enakmen Hutan (Bab 68), Ordinan Tanah 1968, Ordinan Perlombongan 1960, Enakmen Yayasan Sabah 1966 dan Enakmen Perwakilan Kuasa 1963 - yang kononnya merugikan rakyat. Pemerhati politik berpendapat langkah dan tindakan kerajaan negeri itu dibuat berasaskan rasional menjurus kepada ketelusan sistem pertanggungjawaban kolektif.

Malah sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri kepada tiga kelompok utama masyarakat Sabah juga sebenarnya manifestasi amalan perkongsian yang mahu dipupuk oleh kerajaan BN.

Isu berkenaan yang sebelumnya cuba dipolitikkan kerana kononnya ia tidak diteruskan selepas pilihan raya negeri, terjawab apabila Dr Mahathir pada 15 Februari lalu menyatakan bahawa sistem itu tetap diteruskan. Kenyataan itu bukan saja menjawab teka-teki yang berlegar-legar sejak beberapa minggu lalu, malah melegakan pihak tertentu.

Seperti dijelaskan Perdana Menteri, semua tiga kaum utama di Sabah perlu diberi peluang dalam pemerintahan. Dengan kenyataan terbuka itu, bermakna fasa ketiga dalam pusingan pertama penggiliran tersebut, iaitu bagi kuota Bumiputera bukan Islam (yang disandang oleh Dompok ketika ini) tetap diteruskan. Pemerhati politik berpendapat kenyataan Perdana Menteri itu membawa makna besar selain diyakini mampu meredakan kemelut serta kesangsian mengenainya pada detik-detik genting menjelang pilihan raya seperti sekarang.

Sistem itu dimulakan pada 1994 sebagai menunaikan janji yang dibuat Dr Mahathir ketika kempen pilihan raya negeri waktu itu. Dan menerusi sistem itu, jawatan Ketua Menteri disandang secara bergilir-gilir oleh Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina setiap dua tahun sekali.

Tujuan asalnya ialah untuk membawa kestabilan politik Sabah yang begitu rapuh sebelumnya. Ia selaras komitmen BN memperkenalkan perkongsian dan bukan ekstrim. Bermula dengan kuota Bumiputera Islam menerusi Umno pada 17

Mac 1994, sistem itu kemudian diteruskan kepada kuota Cina menerusi Parti Maju Sabah (SAPP) pada 28 Mei 1996 dan kuota Bumiputera bukan Islam menerusi Parti Demokratik Sabah (PDS).

Pada fasa pertama dulu jawatan itu dikongsi dua pemimpin Umno - didahului Tun Sakaran Dandai dan kemudian Datuk Seri Salleh Tun Said (selepas Sakaran dilantik sebagai Yang Dipertua Negeri Sabah pada Disember 1994). Salleh, yang juga Ahli Parlimen Kota Belud dan Adun kawasan Usukan, meneruskan kemudi pemerintahan kerajaan negeri sehingga 28 Mei 1996 sebelum menyerahkannya kepada Presiden SAPP, Datuk Yong Teck Lee. Selepas tempoh dua tahun tamat pada 28 Mei 1998, Dompok yang juga Presiden PDS menyandang jawatan itu sehingga hari ini.

Yang nyata perkembangan politik Sabah begitu menarik dan sentiasa menjadi tumpuan. Mungkin kerana kelainan dan keunikan tersendiri disebabkan terpisah dari segi geografi dengan tanah Semenanjung, selain ia mencetus pelbagai kemungkinan.

Namun begitu, pimpinan BN dan Umno Sabah tetap yakin untuk mengekalkan kerajaan sekarang. Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Osu Sukam, pernah menyebut dalam satu perjumpaan di Lok Kawi baru-baru ini bahawa BN Sabah kini mendapat sokongan 70 peratus rakyat Sabah.

Ketika ini BN menguasai 46 kerusi daripada 54 kerusi DUN Sabah (termasuk enam yang dilantik). Secara keseluruhan, jumlah terbanyak kerusi BN dimiliki oleh Umno iaitu 23 kerusi, diikuti oleh PDS (11), SAPP (enam), Akar (tiga), PBRS (dua) dan MCA (satu).

Tidak syak lagi pilihan raya Sabah kali ini sememangnya menarik untuk diikuti. Selain menjadi ujian pertama secara langsung bagi BN selepas pilihan raya negeri pada 1994, ia juga dikatakan penentu survival dan kelangsungan perjuangan pada alaf baru.

(END)